

NO SOALAN : 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]
TARIKH : 21.05.2015 (KHAMIS)

DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah kes dilaporkan oleh pengguna mengenai penipuan peniaga semenjak GST diperkenalkan pada 1 April lepas dan berapa kes sudah dibawa ke mahkamah setakat ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah bertindak tegas dalam menangani isu-isu pencatutan berkaitan pelaksanaan GST dengan mengambil usaha untuk memastikan aduan pengguna berkaitan aktiviti mencatat dapat ditangani dengan pantas dan efisien. Kementerian telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Antipencatutan untuk menyelaras dan menangani aduan pengguna berkaitan isu-isu berbangkit susulan pelaksanaan GST bermula pada 1 April 2015 dari aspek advokasi siber dengan media, penubuhan Pusat Gerakan Antipencatutan (PGAP) dan pengumpulan data statistik. Daripada 1 April sehingga 14 Mei 2015, sebanyak **5,841 aduan** berkaitan antipencatutan GST telah diterima melalui kesemua saluran aduan yang disediakan menerusi talian *Hotline*, sistem e-Aduan, aplikasi pintar Ez-ADU KPDKK, Media Sosial (*Facebook* dan *Twitter*) serta MyKIRA GST. Tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 akan diambil jika peniaga gagal mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan dengan menjurus kepada pencatutan.

Sehubungan dengan itu, semasa pelaksanaan GST Kementerian telah melaksanakan **OPS CATUT Fasa Kedua** bermula pada **1 April 2015** bertujuan memastikan peniaga mematuhi undang-undang yang ditetapkan dan mematuhi kehendak pelaksanaan GST.

Sehingga **14 Mei 2015**, **OPS CATUT Fasa 2** telah memeriksa sebanyak **283,245 premis perniagaan** di seluruh negara. Dari jumlah ini, sebanyak **815 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM134,830** dan nilai kompaun sebanyak **RM122,250**. Manakala di bawah **seksyen 21 AKHAP 2011** sebanyak **819 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barangan.

Sehingga 14 Mei 2015, sebanyak **8 kes** telah **didakwa dan dikompaun** di bawah **seksyen 14(1)** dan **seksyen 21(5)** AKHAP 2011 iaitu 2 kes di Melaka, 2 kes di Pulau Pinang, 1 kes di Kelantan, 1 kes di Putrajaya, 1 kes di Johor dan 1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kementerian sedang bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara bagi mempercepatkan proses siasatan dan pendakwaan kes-kes terlibat dengan pencatutan.